

# Taktik menyamar nelayan seludup dadah

APMM tahan tekong bersama rampasan dadah bernilai RM160,000

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

**T**aktik seorang tekong tempatan menyamar nelayan untuk menyeludup dadah terbongkar apabila ditahan di perairan Tanjung Piai, Pontian pada Jumaat lalu.

Tekong berusia 38 tahun itu ditahan pada jam 3.30 pagi oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Johor menerusi Op Benteng Laut.

Pengarah APMM Johor, Laksamana Pertama Maritim Aminuddin Abdul Rashid berkata, pada mulanya suspek cuba membuang beberapa tong plastik dari bot selepas menyedari dihampiri bot peronda APMM kira-kira 3.8 batu nautika tenggara



Aminuddin menunjukkan lokasi seorang tekong yang menyamar sebagai nelayan ditahan di Tanjung Piai, Pontian selepas sidang akhbar di Ibu Pejabat APMM Johor semalam.

Tanjung Piai.

“Anggota APMM menemui tong disorokkan di bawah tempat duduk tekong mengandungi beberapa bungkusan plastik serbuk kristal dipercayai syabu seberat 3.2 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM160,000.

“APMM Johor percaya dadah itu untuk diseludup keluar ke negara jir-

an menggunakan modus operandi menyamar sebagai nelayan,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat APMM Johor di sini semalam.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan adalah RM202,000 merangkumi dadah, bot gentian kaca berserta enjin sangkut 60 kuasa kuda dan sebuah kereta Toyota.